



HARUN (baris belakang, tengah) dengan (baris belakang – kiri ke kanan) Dayang, Ismail, No'man, Asraaf dan para pemenang (baris depan – kiri ke kanan) Salesnella, Suhaipin, Hasni, Pang, Cyril dan Jomon.

Seribu pelari sertai Larian Eko UMS – Carino

GL OH DE 17.11.2014 12

KOTA KINABALU: Lebih kurang seribu pelari menyertai Larian-Eko Universiti Malaysia Sabah (UMS) – Carino, yang diadakan di Stadium UMS pada pagi Ahad.

Acara julung kali itu diadakan sempena ulang tahun ke-20 UMS dan ia dilancarkan oleh Naib Canselor Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, yang turut menyampaikan hadiah.

Enam kategori dipertandingkan di mana pemenang-

pemenangnya ialah Pang Tsun Ko (terbuka lelaki); Salesnella Gabi (terbuka wanita); Suhaipin Surin (lelaki veteran); Hasni Salagan (wanita veteran); Jomon Papau (lelaki junior) dan Cyril Michelle Jomani (wanita junior).

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Profesor Madya Dr Ismail Ali; Ketua Pustakawan, Dayang Rokiah; Ketua Persatuan Kakitangan Profesional (bukan-akademik) Hj. Zawawi Tiyunin; Ketua Pejabat Canselor, No'man Hj. Ahmad; dan Ketua Unit Sukan, Asraaf Fong.